

BERITA UTAMA

- 3 BERKENAN BERANGKAT
MENYERTAI PERARAKAN
SAMBUTAN MAULUD NABI

5



20 Graduan Menerima
Penganugerahan Syahadah (Sijil)
Diploma 'Aliyah Qira'at

11

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam
di Seluruh Negara Bagi Tahun 2024

Bagi Bulan
SEPTEMBER

21
Orang



Dikir Maulud 12 Malam
Berturut-Turut Mula Bergema

6

Lawatan Perdana Menteri
Republik India, Tuan Yang
Terutama Shri Narendra Modi
Ke Masjid SOAS

7

3 Pelajar Dianugerahkan
Biasiswa KHEU Peringkat
Sarjana

8

56 Peserta Kursus Skim
Kefahaman Al-Qur'an (Khas
Muallaf) Terima Sijil

9

SEPTEMBER
Safar/Rabiulawal
2024 M
1446H Bil 9 • Tahun 36

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd Rajid bin Haji Mohd Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah •

PENOLONG PENASIHAT: Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah •

KETUA PENERBIT: Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan •

PENOLONG KETUA PENERBIT: Qairunnisa binti Haji Jalil, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan •

PENYELARAS: Azizah binti Hidup • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • Suriati binti Haji Ali Hussin •

PEREKABENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK: Mohamad Zelihan bin Ahad •

PEMBAHAGI MAJALAH: Nurul Nabilah binti Masri •

GAMBAR: Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

DOA WAKTU PAGI

اللَّهُمَّ بِكَ أَصْبَحْنَا، وَبِكَ أَمْسَيْنَا، وَبِكَ نَحْيَا، وَبِكَ نَمُوتُ، وَإِلَيْكَ الْنُّشُورُ.

ERTINYA:
Ya Allah! Dengan rahmat dan pertolongan-Mu kami memasuki waktu pagi dan dengan rahmat pertolongan-Mu kami memasuki waktu petang. Dengan rahmat dan pertolongan-Mu kami hidup dan dengan kehendak-Mu kami mati. Dan kepada-Mu kebangkitan (bagi semua makhluk).

Lidah Pengarang

Merayakan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam

Sebagai sebuah negara yang majoriti penduduknya berugama Islam, Negara Brunei Darussalam seperti lazimnya mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam yang disambut secara besar-besaran bagi menyemarakkan dan menyebarkan lagi Syiar Islam di negara ini di samping memperingati akan kelahiran Baginda Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam pada setiap 12 Rabiulawal Tahun Hijrah.

Mengadakan perayaan maulud Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam setiap tahun adalah suatu manifestasi daripada kecintaan kita kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam. Para ulama mengatakan bahawa ia merupakan cara untuk kita menanam dan mendidik hati untuk mengasihi Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam. Merayakan hari keputeraan baginda adalah sunat kerana termasuk dalam ibadat memuliakan dan mengasihinya yang sangat dianjurkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'alā sebagaimana firman-Nya dalam surah al-A'raaf ayat 157 yang mafhumnya:

...Dan orang-orang yang beriman kepadanya (Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam), memuliakannya dan menolongnya serta mengikut cahaya (al-Qur'an) yang diturunkan kepadanya, mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.

Menerusi tafsir ayat di atas ini dapatlah difahami bahawa orang-orang yang memuliakan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam adalah orang yang beriman, bertaqwa dan berjaya. Maka dengan merayakan maulud Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam tidak syak lagi merupakan jalan memuliakan dan mencintai baginda. Ianya tidaklah semata-mata perarakan berjalan sahaja, bahkan ianya adalah sebagai ibadat, ingatan dan memanifestasikan rasa kecintaan terhadap Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam.

BERKENAN BERANGKAT MENYERTAI PERARAKAN SAMBUTAN MAULUD NABI

Oleh : Azizah Hidup



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta paduka-paduka anaknya dan adinda berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Rabiulawal bersamaan

16 September – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengepalai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari



DOA Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurus Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah; dan Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka m.s. 4

3 Seri Pengiran Bendahara m.s.3 Seri Maharaja Permaisuri Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Faatihah beramai-ramai dan bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Majlis diteruskan dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan persembahan Dikir Marhaban dibawakan oleh gabungan para pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan sebaik sahaja sampai kepada 'Ya Habibi' tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin



bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama untuk mengepalai Perbarisan Perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan.

Sebelum perarakan bermula, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syar'ie mengepalai bacaan Selawat tiga kali yang menandakan perarakan akan dimulakan.

Pada tahun ini keramaian peserta yang menyertai perarakan adalah berjumlah 5,409 orang yang dibagikan kepada 95 pasukan mengikut 5 kategori berikut iaitu Pasukan-Pasukan Tidak Bernombor; Kategori Kementerian-Kementerian; Kategori Institusi Pengajaran Tinggi/

Maktab/ Sekolah Arab/ Sekolah Menengah Swasta; Kategori Kampung dan Masjid; dan Kategori Persatuan dan Sektor Swasta.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, serta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Tema Sambutan Maulud pada tahun ini ialah "Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam".

20 GRADUAN MENERIMA PENGANUGERAHAN SYAHADAH (SIJIL) DIPLOMA 'ALIYAH QIR'AAT

Oleh : Dahlan Chuchu



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah semasa berkenan mengurniakan Pengurniaan Penganugerahan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at kepada salah seorang graduan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Rabiulawal bersamaan

5 September – Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyempurnakan Pengurniaan Penganugerahan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at. Majlis berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis dimulakan dengan persembahan hafazan ayat-ayat suci al-Qur'an, surah al-Balad, ayat 1 hingga ayat 20 dengan

Riwayat Al-Bazzi dari Ibnu Kathir yang disampaikan oleh Dayang Awadah binti Awang Mohamad Ariffin. Sementara intisari ayat dibacakan oleh Dayang Nurqamariah binti Kepli. (Cemerlang), 6 orang penerima pangkat Jaiyid Jiddan (Sangat Baik), seorang (1) penerima pangkat Jaiyid (Baik), dan 2 orang penerima pangkat Maqbul (Lulus).

Diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan sabda dan kemudiannya berkenan menyempurnakan Pengurniaan Penganugerahan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at kepada 20 orang graduan, iaitu 15 orang siswa dan 5 orang siswi, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Pengurniaan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at kali ini terdiri daripada 11 orang penerima pangkat Mumtaz

DIKIR MAULUD 12 MALAM BERTURUT-TURUT MULA BERGEMA

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



ATUR CARA dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 1 Rabiulawal bersamaan 4 September

- Bagi memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara akan bergema dengan Dikir Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam selama 12 malam berturut-turut mulai malam ini.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Dikir Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang sekali gus mendakwa bermulanya pembukaan Dikir Syarafil Anam di

semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

Hadir ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin.

Atur cara dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan Tazkirah bertajuk 'Kelebihan Berselawat' disampaikan oleh Penceramah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Abdul Haziq bin Haji Hanafi. ■


Doa Dikir dibacakan pula oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusof. Sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Majlis diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan jemaah masjid dan penduduk kampung. ■



LAWATAN PERDANA MENTERI REPUBLIK INDIA, TUAN YANG TERUTAMA SHRI NARENDRA MODI KE MASJID SOAS

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



PERDANA Menteri India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi yang berada di negara ini untuk lawatan rasmi dua hari berkesempatan melawat Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Safar bersamaan 3 September

- Perdana Menteri India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi yang berada di negara ini untuk lawatan rasmi dua hari telah melawat Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Ketibaan Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi di Masjid Omar 'Ali Saifuddien dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut mengiringi Tuan Yang Terutama ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Menteri Pengiring.

Sejurus tiba, Tuan Yang Terutama dan rombongan dibawa menyaksikan



TUAN Yang Terutama Perdana Menteri Republik India berkenan menandatangani buku lawatan.

3 PELAJAR DIANUGERAHKAN BIASISWA KHEU PERINGKAT SARJANA

Oleh : Mohamad Zelihan Ahad



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Rabiulawal bersamaan 28 September

Tiga pelajar yang ditawarkan biasiswa bagi mengikuti pengajian di luar negara, telah diraikan dalam Majlis Doa Kesukuran bagi Penganugerahan Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Peringkat Sarjana, Sesi Akademik 2024/2025. Majlis diadakan di Songket Hall 3, The Rizqun International Hotel, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiyah, diikuti dengan ucapan daripada Pengarah Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar selaku Pengerusi Majlis.

Ketiga-tiga penerima akan berlepas ke United Kingdom dalam bidang masing-masing iaitu Awang Ahmad




Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian surat Penganugerahan Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) kepada pelajar-pelajar diraikan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan tayangan video. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesukuran oleh Awang Haji Mohammad Hendra bin Haji Meraji.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani serta para pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). ■

56 PESERTA KURSUS SKIM KEFAHAMAN AL-QUR'AN (KHAS MUALLAF) TERIMA SIJIL

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 17 Rabiulawal bersamaan 21 September

Seramai 56 orang peserta iaitu 12 peserta lelaki dan 44 peserta perempuan daripada kalangan muallaf yang menyertai Skim Bimbingan Lanjutan II di bawah Pusat Da'wah Islamiah (PDI) telah menyertai dan menamatkan Kursus Skim Kefahaman Al-Quran (Khas Muallaf) 2024.

Kursus Skim Kefahaman Al-Quran (Khas Muallaf) Tahun 2024 yang diadakan selama empat (4) hari bermula dari 17 hingga 21 September 2024 lalu itu berakhir dengan Majlis Penutup yang diadakan bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah, Kampung Pulaie.

Kursus tersebut diungkayahkan oleh Pusat Pengajaran dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Pusat Da'wah Islamiah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta ialah Setiausaha Tetap

di Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiyah oleh Penolong Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid. Acara disusuli dengan ucapan aluan oleh Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil oleh tetamu kehormat majlis kepada fasilitator kursus iaitu Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim.

Antara perisian kursus ialah penerangan konsep ibadat dan kaitannya dalam hubungan antara Khaliq (Allah / Pencipta) dan makhluk (Habrum Minallah); kepentingan dan peranan sembahyang dalam kehidupan muslim; puasa dan peranannya dalam pembentukan syaksiah muslim

dan zakat dan hubungannya dalam pembangunan sosial dan Haji sebagai pernyataan kebesaran Allah Subhanahu wa Ta'alha dan muktamar agung kaum muslimin.

Objektif kursus adalah bagi memartabatkan kedudukan al-Qur'an sebagai sumber hukum Perundangan Islam yang pertama di samping meningkatkan kesedaran umat Islam untuk memahami kandungan al-Qur'an dalam berbagai aspek serta memberikan maklumat yang tepat terhadap berbagai isu dan salah tanggapan mengenai kandungan al-Qur'an di era globalisasi.

lanya juga bertujuan untuk menyiapkan generasi penerus berjati diri yang dapat memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai ajaran Islam secara utuh bersumberkan al-Qur'an dan as-Sunnah dalam segala aspek kehidupan. ■

JAME' 'ASR HASSANIL BOLKIAH ANJUR MAJLIS PENUTUP DIKIR

Oleh : Azizah Hidup



MAJLIS dimulakan dengan bacaan surah al-Faatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWA, Ahad, 12 Rabiulawal bersamaan 15 September

— Bersempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bergema dengan pujian selawat ke atas junjungan besar Baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam di Majlis Dikir Maulud yang telah diadakan bermula 1 Rabiulawal 1446 dan telah berlangsung selama 12 malam berturut-turut sehingga 12 Rabiulawal 1446.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam selama 12 malam berturut-turut telah diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir selaku Tetamu Kehormat majlis ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh; dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatiha dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan tazkirah mengenai kelebihan shalawat disampaikan oleh Penceramah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Muhammad Farhan bin Haji Sufri.

Majlis diteruskan dengan persebahan Dikir Assalamualaika dibawakan oleh Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian

Hal Ehwal Ugama (KHEU), diikuti dengan Dikir Khairuman 3 Serangkai dibawakan oleh Pasukan Dikir Kampung Rimba, dan Dikir Bishahrin Udana Laila dibawakan oleh Pasukan Dikir Kampung Belimbang dan Pasukan Dikir Kampung Subok.

Manakala, persebahan Dikir Al-Ham Allah dibawakan oleh Pasukan Dikir BASMIDA, dan Dikir Badat Kopi dibawakan oleh Pasukan Dikir PERANGKAP, sementara persebahan Dikir Asyraqal pula dibawakan oleh Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Selain untuk memeriahkan dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam, Majlis Dikir Syarafil Anam di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara adalah bagi mendapatkan keberkatan dan rahmat dari Allah Subhanahu wa Ta'ala, serta memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam menyebarkan agama Islam. ■

فَمَنِ الْأَذَّى إِنَّمَا يُمُوا بِاللَّهِ وَأَعْنَصُمُوا بِهِ فَسِيدُ الْجَنَّةِ فِي رَحْمَةِ مِنْهُ
وَفَضْلِهِ لِمَنِ اتَّبَعَهُمُ الْأَيُّوبُ صَرَاطًا مُسْتَقِيمًا ﴿١٦﴾

Mafhumnya:

Maka adapun orang-orang yang beriman kepada Allah dan berpegang teguh dengan (agama)Nya maka Allah akan memasukkan mereka ke dalam rahmat dan limpah KurniaNya (syurga) dan menunjukkan mereka jalan yang lurus (menuju) kepadaNya

Surah an-Nisa' ayat 175



Dari Hidayah

Majlis Pengislaman SEPTEMBER 2024












STATISTIK PENGISLAMAN
Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2024

Kawasan	Jumlah	Persentase
Brunei Muara	236 Orang	100%
Belait	21 Orang	42.11%
Tutong	5 Orang	21.05%
Temburong	3 Orang	13.04%
Ulu Brunei	4 Orang	17.81%

Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

MENTERI HAL EHWAL UGAMA TERIMA KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENGERUSI SYARIKAT NOZOLY ARAB SAUDI

Oleh : Azizah Hidup



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Rabiulawal bersamaan

23 September – Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, menerima kunjungan hormat daripada Yang Mulia Dato Jamil Sulaiman Bondagjy, Pengurus Syarikat Nozoly Arab Saudi, yang merupakan penyedia perkhidmatan haji bagi jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) di Mekah, Madinah dan Mashaer (Arafah dan Mina).

Kunjungan hormat tersebut telah berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Dewan Majlis.

Semasa kunjungan tersebut, Yang Mulia Dato Jamil Sulaiman Bondagjy mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak pengurusan jemaah haji Negara Brunei Darussalam, khususnya Pejabat Urusan Jemaah Haji, atas kejayaan pengurusan haji bagi musim haji tahun 1445H / 2024M yang berjalan dengan cemerlang.

Jemaah haji Negara Brunei Darussalam juga telah melaksanakan ibadat haji dengan lancar dan sempurna. Beliau seterusnya berharap agar kerjasama yang terjalin dapat ditingkatkan lagi pada masa akan datang.

Turut hadir pada kunjungan hormat tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran

Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad serta pegawai-pegawai Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Terdahulu, Yang Mulia Dato Jamil Sulaiman Bondagjy mengadakan perjumpaan dengan Yang Mulia Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad, Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, selaku Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam, di Bilik Mesyuarat Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Antara tujuan perjumpaan tersebut adalah untuk membincangkan persiapan pengurusan jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi musim haji tahun 1446H / 2025M, khususnya bagi meneliti perkhidmatan haji di Mashaer (Arafah dan Mina) sebagai usaha untuk menambah baik pengurusan haji pada musim haji akan datang. ■